

# GARIS PANDUAN

**ANUGERAH CEMERLANG INDUSTRI PEMBINAAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
2024**

## A. PENDAHULUAN

Selaras dengan Pelan Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023 ialah untuk mengadakan Anugerah Kontraktor Cemerlang dalam usaha bagi mendokong pembangunan perniagaan tempatan dalam industri pembinaan. Pada tahun 2024 ini, Kementerian Pembangunan buat pertama kali memperkenalkan anugerah ini sebagai satu pengiktirafan kepada kontraktor yang telah berjaya menyempurnakan projek pembinaan dengan prestasi cemerlang dan berkualiti.

Anugerah Kontraktor Cemerlang ini dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti berikut:

1. Kategori A – Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan (Kelas I & II)
2. Kategori B – Anugerah Cemerlang Industri Pembinaan (Kelas III, IV, V & VI)

## B. OBJEKTIF

1. Menggalakkan kontraktor pembinaan untuk menghasilkan bangunan / perumahan / infrastruktur serta perkhidmatan yang berkualiti tinggi.
2. Meningkatkan tahap kesedaran dikalangan kontraktor tentang kepentingan mencapai tahap piawaian keselamatan, kesihatan, kualiti dan alam sekitar yang baik.
3. Menyediakan peluang untuk berkongsi maklumat mengenai dengan kejayaan pelaksanaan strategi dan pencapaian prestasi yang diamalkan oleh para penerima anugerah.
4. Memupuk semangat daya saing yang tinggi untuk merebut anugerah ini dan seterusnya akan memanfaatkan industri serta ekonomi Negara Brunei Darussalam.
5. Mendorong para kontraktor untuk bersedia bersaing dan mempromosikan keupayaan diperingkat serantau dan antarabangsa.

## C. SYARAT – SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

1. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan sepanjang tempoh pencalonan
2. Projek yang dicalonkan hendaklah projek yang termasuk dalam perbelanjaan RKN 10 & RKN 11 dan telahpun siap sepenuhnya dan **setelah tamat Defect Liability Period (DLP)**
3. Bagi kategori A: Tempoh projek yang dicalonkan hendaklah minima 1 bulan
4. Projek-projek membaikpulih, hiasan dalaman, penggantian peralatan sistem mekanikal dan elektrikal tidak layak dipertandingkan.
5. Agensi yang mencalonkan hendaklah menggunakan dan melengkapkan borang pencalonan yang disediakan.
6. Mana-mana pencalonan yang tidak memenuhi syarat-syarat tidak akan dipertimbangkan.
7. Keputusan Panel adalah Muktamad.

## D. TATACARA PENYERTAAN

1. Pencalonan dihadapkan oleh agensi kerajaan sahaja
2. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang pencalonan **yang boleh didapati di laman sesawang: [www.abci.gov.bn](http://www.abci.gov.bn)**
3. Borang pencalonan hendaklah lengkap diisi dengan menyertakan segala dokumen yang diperlukan.
4. Borang pencalonan dan dokumen bolehlah dihantarkan ke alamat berikut atau melalui emel di [lbdunit@mod.gov.bn](mailto:lbdunit@mod.gov.bn)

**URUSETIA  
ANUGERAH CEMERLANG INDUSTRI PEMBINAAN (ACIP)  
Autoriti Kawalan Bangunan & Industri Pembinaan (ABCi)**

## **E. PEMBENTANGAN KEPADA JAWATANKUASA PENILAIAN**

Kontraktor yang disenarai pendek dikehendaki untuk membuat pembentangan jika diperlukan. Urusetia akan memaklumkan tempoh dan isi kandungan pembentangan tersebut.

## **F. PENGUMUMAN KEPUTUSAN**

Keputusan Anugerah Kontraktor Cemerlang adalah muktamad. Tarikh pengumuman akan dimaklumkan kemudian oleh pihak urusetia.

## **G. TERMA DAN SYARAT**

1. Penerima anugerah dijangka untuk mengongsikan maklumat tentang projek yang dicalonkan. Perkongsian maklumat ini mungkin dalam bentuk persembahan, seminar, pameran dan / atau lawatan syarikat.
2. Semua bahan yang dikemukakan berkaitan dengan penyertaan akan menjadi milik Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan.
3. Bahan-bahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar) yang dikemukakan berkaitan dengan atau selepas penyertaan atau pada bila-bila masa selepas pemberian anugerah, ABCi berhak untuk menggunakan bahan-bahan tersebut dalam apa jua cara yang difikirkan sesuai, tanpa bayaran yuran atau royalti. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, persembahan, penerbitan dan / atau pameran gambar, bahan dan / atau nama.
4. Kontraktor akan menanggung rugi sepenuhnya. ABCi dan agensi yang mencalonkan tidak akan dikenakan sebarang tuntutan, liabiliti, tanggungjawab atau kerosakan yang mungkin disebabkan penggunaan bahan-bahan yang dihantar oleh kontraktor berkaitan dengan atau selepas penyertaan atau pada bila-bila masa selepas pemberian anugerah.
5. Jawatankuasa Penilaian berhak menangguhkan penghakiman jika pada bila-bila masa semasa proses penilaian, apa-apa perkembangan atau kejadian timbul mengenai mana-mana pihak yang berkaitan dengan pemohon atau projek, yang mungkin menyebabkan publisiti negatif yang diterima melalui aduan rasmi. Tempoh penangguhan adalah mengikut budi bicara mutlak Jawatankuasa Penilaian dengan mengambil kira proses penelitian dan siasatan.
6. ABCi berhak menarik balik atau menahan apa-apa anugerah, jika pada pendapat ABCi, pemberian anugerah itu mungkin mengakibatkan publisiti negatif kepada penganugera

## I.KRITERIA PENILAIAN DAN PEMBAHAGIAN MARKAH BAGI KATEGORI A (KELAS I & II)

Kriteria penilaian adalah mengikut keutamaan dan pecahan markah yang diberikan oleh ahli Jawatankuasa

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH
A	<b>KESELAMATAN (HSE)</b> A1. Pengetahuan pemilik tempatan mengenai dengan keselamatan dan kesihatan. A2. Pengurusan risiko	30
B	<b>PENGURUSAN PROJEK</b> B1. Pematuhan Kepada Kehendak Kontrak & Spesifikasi B3. Organisasi dan Pengurusan B4. Kelancaran kemajuan kerja tanpa gangguan kepada dan aduan dari Pengguna / Penghuni - bagi projek baru termasuk dari segi kewangan iaitu tanpa aduan dari pembekal/pekerja B6. Jentera dan Loji – Kesesuaian dan Kecukupan (Jika Berkenaan) B7. Perancangan dan Penjadualan kerja B8. Pengurusan Alam Sekitar (Jika Berkenaan) B9. Pengurusan Aduan Orang Ramai B10. Pengurusan Sumber Manusia	25
C	<b>KUALITI</b> C1. Mutu Kerja Kemasan C2. Kefungsian C3. Aduan Pelanggan ketika lawatan sebelum dan selepas penyerahan C4. Pematuhan kepada keperluan autoriti	20
D	<b>MASA</b> D1. Kesiapan praktikal	10
E	<b>PERKHIDMATAN SELEPAS SIAP</b> E1. Penyediaan Lukisan Siap Bina yang lengkap dan betul dalam tempoh yang ditetapkan E2. Perancangan perkhidmatan dalam tempoh DLP	5
F	<b>LBD</b> F1. Pengetahuan dan Penglibatan Pemilik Tempatan dalam Syarikat F2. Penggunaan bahan binaan dan perlhidamatan tempatan F3. Usaha dalam pengambilan pekerja tempatan	10
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		100

## **J. KRITERIA PENILAIAN DAN PEMBAHAGIAN MARKAH BAGI KATEGORI B (KELAS III, IV, V & VI)**

Kriteria penilaian adalah mengikut keutamaan dan pecahan markah yang diberikan oleh ahli Jawatankuasa

BIL	KRITERIA PENILAIAN	MARKAH
<b>A</b>	<b>KESELAMATAN (HSE)</b> A1. Pengetahuan pemilik tempatan mengenai dengan keselamatan dan kesihatan. A2. Pengurusan risiko	30
<b>B</b>	<b>PENGURUSAN PROJEK</b> B1. Pematuhan Kepada Kehendak Kontrak & Spesifikasi B2. Tenaga kerja mencukupi dan tahap kemahiran B3. Organisasi dan Pengurusan B4. Kelancaran kemajuan kerja tanpa gangguan kepada dan aduan dari Pengguna / Penghuni - bagi projek baru termasuk dari segi kewangan iaitu tanpa aduan dari pembekal/pekerja B5. Bahan – bahan : Pesanan dan penghantaran yang tepat B6. Jentera dan Loji – Kesesuaian dan Kecukupan (Jika Berkenaan) B7. Perancangan dan Penjadualan kerja B8. Pengurusan Alam Sekitar (Jika Berkenaan) B9. Pengurusan Aduan Orang Ramai B10. Pengurusan Sumber Manusia	25
<b>C</b>	<b>KUALITI</b> C1. Mutu Kerja Kemasan C2. Kefungsian C3. Aduan Pelanggan ketika lawatan sebelum dan selepas penyerahan C4. Pematuhan kepada keperluan autoriti	20
<b>D</b>	<b>MASA</b> D1. Kesiapan praktikal	10
<b>E</b>	<b>PERKHIDMATAN SELEPAS SIAP</b> E1. Penyediaan Lukisan Siap Bina yang lengkap dan betul dalam tempoh yang ditetapkan E2. Perancangan perkhidmatan dalam tempoh DLP	5
<b>F</b>	<b>LBD</b> F1. Pengetahuan dan Penglibatan Pemilik Tempatan dalam Syarikat F2. Penggunaan bahan binaan dan perlhidmatan tempatan F3. Usaha dalam pengambilan pekerja tempatan	10
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		100